

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI SELANGOR

oleh

ABD. HAMID SAID

SISTEM POLITIK ADAT PERPATIH,
KAJIAN PERBANDINGAN ANTARA
LUAK-LUAK DI NEGERI SEMBILAN.

JABATAN SYARIAH
FAKULTI PENGAJIAN ISLAM

81/ 82

SISTEM POLITIK ADAT PERPATIH,
KAJIAN PERBANDINGAN ANTARA
LUAK-LUAK DI NEGERI SEMBILAN.

Oleh

Abd. Hamid Said.

Penyelia

En. Abd. Monir Hj. Yaacob.

Untuk

Memenuhi Syarat Mendapat
Ijazah Sarjana Muda
Pengajian Islam Dengan Kepujian

Di

Jabatan Syariah
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
81/ 82

KANDUNGAN

1. Pendahuluan.....	i
---------------------	---

BAB PERTAMA

PENGERTIAN ADAT SERTA PEMBAHAGIAN DAERAH YANG TERDAPAT DI NEGERI SEMBILAN.

2. Pengertian Adat.....	1
3. Pengertian Adat Perpatih.....	12
4. Adat Yang Sebenar Adat.....	16
5. Adat Yang Teradat.....	17
6. Adat Istiadat.....	17
7. Kemunculan Adat Perpatih.....	18
8. Kawasan Asal Negeri Sembilan.....	25

BAB KEDUA

POLA-POLA KEPIMPINAN POLITIK DALAM MASYARAKAT ADAT PERPATIH.

9. Konsep Pemimpin Dan Kepimpinan Secara Umum.....	31
10. Konsep Politik.....	37
11. Konsep Demokrasi.....	38
12. Konsep Feudalisme.....	41
13. Konsep Sosialisme.....	42
14. Demokrasi Dan Adat Perpatih.....	42
15. Sosialisme Dan Adat Perpatih.....	43
16. Kedudukan Politik Negeri Sembilan.....	46
17. Analisa Birokrasi.....	48
18. Konsep Pemimpin Dan Kepimpinan Dalam Adat Perpatih.....	49
19. Syarat-Syarat Menjadi Pemimpin.....	55
20. Sifat-Sifat Seorang Pemimpin.....	55
21. Kedudukan Ekonomi yang Baik.....	55
22. Badan Yang Sihat.....	56
23. Watak Yang Baik.....	57
24. Akal.....	59
25. Tugas-Tugas Seorang Pemimpin.....	60
26. Pantang Larang Terhadap Seorang Pemimpin.....	62

BAB KETIGA

PERLANTIKAN PEMIMPIN-PEMIMPIN MASYARAKAT ADAT PERPATIH.

27. Keadaan Masyarakat Adat Perpatih.....	65
28. Sepintas Lalu Struktur Dan Organisasi Dalam Adat Perpatih.....	66

29. Proses Perlantikan Pemimpin-Pemimpin.....	67
30. Buapak.....	67
31. Kedudukan Dan Tugas Buapak Dalam Masyarakat.....	71
32. Lembaga.....	75
33. Syarat-Syarat Menjadi Lembaga.....	76
34. Istiadat Penyembahan.....	78
35. Upacara Penyembahan Kepada Undang.....	80
36. Tugas-Tugas Lembaga Dalam Masyarakat.....	82
37. Adat Istiadat Perlantikan Undang Serta Perbandingan Antara Luak-Luak Yang Empat.....	86
38. Luak Dan Ikatan Suku-Suku.....	87
39. Keadaan Hidup Dalam Suku.....	88
40. Kedudukan Datuk Undang Dalam Masyarakat.....	91
41. Cara Perlantikan Undang Sungai Ujong.....	92
42. Cara Perlantikan Undang Johol.....	96
43. Kuasa Undang.....	97
44. Cara Perlantikan Undang Luak Rembau.....	100
45. Cara Perlantikan Undang Luak Jelebu.....	105
46. Penghulu.....	113
47. Cara Perlantikan Penghulu Gunung Pasir.....	113
48. cara Perlantikan Penghulu Inas.....	115
49. Cara Perlantikan Penghulu Jempol.....	117
50. Cara Perlantikan Penghulu Terachi.....	118
51. Cara Perlantikan Penghulu Gem nchih.....	119
52. Cara Perlantikan Penghulu Luak Air Kuning.....	120
53. Cara Perlantikan Penghulu Luak Ulu Muar.....	121
54. Cara Perlantikan Tengku Besar Tampin.....	124

BAB KEEMPAT

YANG DIPERTUAN BESAR NEGERI SEMBILAN DAN CARA PERLANTIKANNYA.

55. Sejarah Ringkas Permulaan Yang Dipertuan Besar.....	128
56. Kedatangan Raja Melewar Ke Negeri Sembilan.....	130
57. Kebesaran Dan Martabat Raja.....	137
58. Adat Istiadat Perlantikan Yang Dipertuan Besar.....	139
59. Syarat-Syarat Pemilihan Calon Yang Di Pertuan.....	144
60. Adat Istiadat Pertabalan.....	146
61. Adat Istiadat Bersiram.....	148
62. Istiadat Pertabalan.....	150
63. Pelaksanaan Adat.....	151
64. Upacara Mengangkat Sembah.....	154
65. Isteri Yang Di Pertuan Besar.....	159
66. Cara Pertabalan Tengku Ampun.....	160
67. Jawatan-Jawatan Yang Terdapat Dalam Istiadat.....	163
68. Penutup.....	168

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala puji-pujian hanya tertentu kepada Allah yang berkuasa di langit dan di bumi. Selawat dan salam ke atas nabi besar Muhammad S.a.w. juga ke atas ahli-ahli keluarga dan para pengikutnya.

Dengan kekuatan dan petunjuk yang diberikan oleh Allah dapatlah saya menyudahkan kajian ilmiah ini. Kajian ini adalah untuk memenuhi syarat bagi mendapat Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam Dengan Kepujian.

Untuk itu saya mengambil kesempatan bagi mengucapkan ribuan terima kasih serta merakamkan setinggi penghargaan kepada Penyelia saya iaitu En. Abd. Monir bin Haji Yaacob yang telah membimbing, memberi panduan serta teguran dan nasihat dalam usaha untuk menyiapkan latihan ilmiah ini.

Juga saya merakamkan jutaan penghargaan kepada ibu dan ayah yang sentiasa memberi galakan, semangat dan kewangan dalam mengejar cita-cita saya. Tidak dilupakan juga kepada kawan-kawan yang sentiasa memberi dorongan dan kerjasama untuk menyiapkan kerja saya ini. Juga kepada datuk-datuk Lembaga, Buapak dan setiausaha-setiausaha kepada Undang yang pernah saya temu bual dan mengambil bahan yang berkenaan dengan latihan ilmiah ini. Kepada mereka-mereka semua, saya doakan semoga diberkati Allah sentiasa.

Wassalam.

SINOPSIS

Adat Perpatih terdapat dalam sajak-sajak tradisi dan perbilangan adat di kalangan suku-suku bangsa di Negeri Sembilan dan Daerah Naning Melaka. Ia merupakan sistem adat yang agak unik, di mana susunan pemerintahan dan perwarisan harta adalah didasarkan menurut susur galur kepada sebelah ibu.

Menurut sejarah, Adat Perpatih adalah berasal dari masyarakat Minangkabau di Sumatra. Lama kelamaan ia berkembang kepada beberapa luak dan seterusnya penyatuan di antara luak-luak menjadikan Negeri Sembilan yang ada pada hari ini. Luak-luak inilah yang menjadi objektif penulis untuk mengkaji tentang perbandingan politik yang terdapat.

Untuk memudahkan kajian penulis pembahagian latihan ilmiah ini kepada empat bab. Pada dasarnya merangkumi setiap aspek masyarakat dan politik kepimpinan yang boleh di imbaskan berbentuk piramid, di mana bermula dari peringkat yang paling rendah hingga ke peringkat yang paling tinggi.

Dalam bab pertama, penulis akan mengesahkan tentang pengertian adat, sejarah kedatangan seterusnya ia berkembang membentuk luak-luak dan berlainan pula dari segi struktur politiknya. Manakala dalam bab yang kedua, penulis akan melanjutkan perbincangan mengenai kepimpinan dalam masyarakat Adat Perpatih. Ini termasuklah konsep kepimpinan, syarat-syarat menjadi pemimpin serta tugas-tugas yang mesti disandang oleh pemimpin.

Berikutnya dalam bab yang ketiga dan keempat, penulis akan mengesahkan berupa adat istiadat perlantikan, di mana bermula dari peringkat yang paling rendah “Buapak” hinggalah kepada peringkat yang paling tinggi “Yamtuan”. Juga akan diceritakan mengenai kedudukan Yamtuan dari segi pemerintahan.

Hidupnya Adat Perpatih hingga ke hari ini, menandakan yang ianya diterima oleh masyarakat setempat. Untuk mengetahui secara terperinci, sila meneliti keseluruhan penulisan latihan ilmiah ini.

PENDAHULUAN

Bila memperkatakan tentang adat, terbayang kepada kita bahawa ia merupakan suatu amalan yang digunakan atau diikuti oleh masyarakat keseluruhannya, yang mana amalan itu berjalan terus dari satu generasi ke satu generasi yang berikutnya. Adat pula berbeza dari satu masyarakat dengan masyarakat yang lain. Sebagai contoh berpeluk-pelukan atau bercium di khalayak ramai sebagai mengucap selamat datang atau selamat berpisah untuk sementara di antara lelaki dan perempuan adalah suatu adat tradisi yang baik di kalangan masyarakat barat. Tetapi sebaliknya peradaban yang bertentangan dengan tata susila peradaban bangsa.

Bila mengkaji adat di Malaysia boleh dibahagikan kepada tiga keadaan. Pertama adat Temenggung, kedua adat Kampung dan ketiga Adat Perpatih. Antara ketiga-tiga adat ini mempunyai ciri-ciri perbezaan yang ketara. Adat Perpatih adalah yang wujud di Negeri Sembilan dan sebahagian dari Negeri Melaka. Ia merupakan suatu adat yang unik yang sepatutnya di banggakan oleh orang-orang Melayu. Kerana di samping ia sebagai adat, merangkumi juga di dalam adat itu sistem politik yang berlainan dengan adat atau sistem politik yang pernah wujud dalam tamadun manusia. Lantaran itulah adat ini menjadi tumpuan kepada pengkaji-pengkaji barat seperti M.B. Hooker, E.N. Taylor dan lain-lain datang mengkaji adat ini dan seterusnya membuat buku untuk memaparkan kepada masyarakat berhubung dengan sistem politik yang wujud dalam Adat Perpatih.

Jadi, sebagai memenuhi kehendak fakulti untuk mendapat ijazah kepujian maka usaha menulis tesis ini atas tajuk yang bersangkutan dengan sistem politik Adat Perpatih Negeri Sembilan. Saya kagum dengan struktur politik yang ada, kerana dalam perubahan tamadun manusia yang sebegini moden, ia masih lagi kekal sebagai adat yang boleh diterima oleh rakyat.

BAB KETIGA

PERLANTIKAN PEMIMPIN-PEMIMPIN MASYARAKAT ADAT PERPATIH

Pada dasarnya Adat Perpatih yang diamalkan bak di Pagar Ruyung, Minangkabau mahupun di Negeri Sembilan, Tanah Melayu adalah sama. Ini kerana perkara tersebut tumbuh daripada benih yang satu iaitu Datuk Perpatih Nan Sebatang. Jika berbeza masakan adat di kedua-dua daerah itu mempunyai nama yang sama iaitu Adat Perpatih. Walaupun demikian terdapat juga perbezaan-perbezaan terhadap pembawaan adat itu. Ini tidak dapat dinafikan, malahan adalah mengikut rasmi alam. Pertumbuhannya adalah dipengaruhi oleh alam sekeliling dan juga tanah tempat tumbuhnya yang baharu itu, seperti kata pepatah:¹

Lain padang lain belalang,
Lain lubuk lain ikannya.

Perbezaan tersebut bukan saja terdapat antara Pagar Ruyung dengan Negeri Sembilan, bahkan terdapat dalam Negeri Sembilan sendiri di antara Luak-luak yang menganut adat tersebut. Ini dapat di lihat dari perlembagaannya dan pelaksanaan adat tersebut bagi luak yang berkenaan seperti bilangan suku dan waris-waris yang mewujudkan masyarakat adat tersebut berserta dengan pentadbirannya, malahan berbeza juga dari sudut panggilan gelaran nama pemerintahan dan struktur organisasinya.

Keadaan Masyarakat Adat Perpatih

Kedudukan masyarakatnya hidup berkaum-kaum atau bersuku-suku. Keturunan satu-satu suku mestilah di susur-galurkan dari titisan sebelah ibu. Dengan itu seseorang itu tiadalah mengambil turunan ayahnya. Sekarang ini suku-suku yang dipakai di Negeri Sembilan ada dua belas suku seperti kata gurindam:²

Raja beralam,
Penghulu berluak,
Lembaga kelengkungan,
Buapak beranak buah,
Anak buah duduk bersuku,
Berapa sukunya,
Dua belas.

Suku yang dua belas itu ialah:³

¹ Abdul Ghani Shahmaruddin, Adat Perpatih Negeri Sembilan Patutlah Di kali Dengan Teliti, Dewan Masyarakat, 15 Januari, 1964, hal. 22.

² Abdul Rahman bin Haji Muhammad, op. cit, hal. 28.

³ Abdullah Siddik, op. cit, hal. 115.

1. Biduanda.
2. Batu Hampar.
3. Paya Kumbuh.
4. Mungkal.
5. Tiga Batu.
6. Tiga Nenek.
7. Tanah Datar.
8. Seri Melenggang.
9. Seri Lemak.
10. Batu Belang.
11. Anak Aceh.
12. Anak Melaka.

Jadi tiap-tiap suku ini terkenal dengan nama sukunya.

Sepintas Lalu Struktur Dan Organisasi Dalam Adat Perpatih

Sebenarnya unit masyarakat yang paling kecil dalam Adat Perpatih ialah keluarga. Dari satu keluarga itu akan wujud pula beberapa syarak, kemudian jurai keturunannya berbentuk matrilineal, iaitu yang di susur-galurkan menurut sebelah ibu. Keturunan selanjutnya dari syarak-syarak tersebut akan membentuk pula satu gabungan keluarga yang lebih besar dipanggil perut dengan diketuai oleh salah seorang anggota perut itu yang digelar Buapak. Dan gabungan perut-perut yang mengakui sama nenek motangnya akan mewujudkan pula satu bentuk kekeluargaan yang lebih besar lagi dinamakan suku, diketuai oleh salah seorang dari suku itu dengan gelaran Lembaga.¹ Seterusnya pemilihan di antara Lembaga-Lembaga yang layak dilantik menjadi pemimpin yang lebih besar iaitu Undang, atau di setengah tempat dipanggil Penghulu.

Proses Perlantikan Pemimpin-Pemimpin

Proses penggantian dalam pemimpin-pemimpin Adat Perpatih berlaku apabila (i) Pemimpin yang sedia ada meninggal dunia atau (ii) Dengan perletakan jawatan disebabkan terlalu tua atau uzur atau (iii) Dipecat kerana melanggar peraturan-peraturan yang telah ditentukan oleh adat.

Buapak

Buapak adalah singkatan dari perkataan ibu dan bapa. Ini melambangkan fungsi Buapak itu sebagai penjaga hal ehwal keluarga, seolah-olah berperanan ibu dan bapa kepada anak buahnya.²

Buapak adalah ketua bagi sesuatu perut. Perut adalah unit masyarakat yang paling kecil sekali³ dalam struktur masyarakat. Ia adalah sekecil-kecil kumpulan kekeluargaan di mana anggota-anggotanya dilarang berkahwin antara satu sama lain.

¹ A. Kadir Yusof, *Mengenal Adat Perpatih Struktur Dan Organisasi*, Dewan Masyarakat, 15 April, 1972, hal. 38.

² Nordin Selat, *op. cit.*, hal. 74.

³ R.O. Winstedt, *op. cit.*, hal. 77.

Menurut Zainal Keling,¹ Perut adalah sekelompok anggota masyarakat yang benar-benar mempunyai hubungan dan salasilah (genealogi) yang dapat di galurkan dengan jelas sehingga generasinya berpunca dari nenek moyang yang sama.

Perlantikan Buapak tidak serumit pemilihan ke atas Lembaga atau Undang kerana kedudukannya yang kecil terdiri dari waris-waris seperut. Pemilihan mestilah disahkan oleh Lembaga. Calon-calon adalah dipilih dari anggota perut yang berhak. Pilihan hanya tertumpu kepada calon yang layak sahaja setelah dikaji latar belakang keturunan, tiada pernah melakukan sebarang kesalahan dan dia memang arif dalam hal ehwal adat. Untuk Pengisytiharan ditentukan suatu hari untuk upacara penyembahan. Istiadat ini dilakukan di teratak, iaitu tempat kediaman Buapak di sebelah pihak isterinya (tempat semenda). Barang-barang persembahan adat yang diperlukan ialah tepak sirih, nasi kunyit, dodol yang wajib diletakkan dalam bakul.²

Barang-barang ini diletakkan di hadapan Buapak. Tempat kebesaran Buapak ialah di anjung serambi rumah yang telah terpasang dengan segala alat kebesaran seperti tilam bujur, bantal bersusun, tabir, langit-langit terbentang, tikar berumpuk (iaitu tikar mengkuang yang di jahit dengan kain berwarna merah dikelilingi tepi tikar itu). Juga tepak sirih dan rebana dipukul. Buapak berpakaian serba lengkap dengan berbaju Melayu, bertanjak dan berkeris duduk di tempat kebesarannya. Kemudian seorang demi seorang di kalangan anak buah menyembah tanda penerimaan mereka. Buapak-buapak dari kampung lain juga turut hadir.

Selepas upacara penyembahan, anak buah menikmati jamuan ringan. Pengesahan jawatan secara rasmi hendaklah diperolehi dari Lembaga.³ Terpulanglah kepada Lembaga sama ada hendak menerima atau menolak. Kedudukan seorang Buapak akan terjejas sekiranya ia didapati suai menjalankan tugas, menyalahgunakan kuasa dan bertingkah laku yang boleh memalukan anak buah. Upacara perasmian Buapak ini tidaklah dijalankan terlalu besar, hanya sekadar untuk anggota-anggota perutnya sahaja. Upacara penyembahan amat penting, sebagai tanda pengiktirafan dari anak buah. Tapi tiada paksaan dari anak buah sekiranya ia tidak menyampaikan persediaan di hari tersebut.⁴

Kedudukan Dan Tugas Buapak Dalam Masyarakat

Selaras dengan kedudukannya yang mulia, ia sering dijemput ketika anak buah mengadakan majlis seperti perkahwinan, kematian, mencukur rambut bayi dan sebagainya. Kebesarannya dapat dilihat melalui cara anak buah menghidangkan makanan kepada Buapaknya. Bandingan status Buapak ialah 'seekor kambing'.⁵

“Macam mana pun adat jamunya, atau hukum
Yang dibayar, ataupun pergaduan yang
Diselesaikan, jika adatnya seekor kambing,

¹ Zainal Keling, Sistem Kekeluargaan Di Melaka Jabatan Latihan Ilmiah Untuk Sarjana Sastera, (M.A), Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1969, Hal. 50.

² Hasil temu bual penulis dengan Datuk Andata Abdul Aziz bin Ahmad (Lembaga), Kampung Baru Chek Lah, Mantin Dalam, Mantin, pada 6.12.1981.

³ Nordin Selat, op. cit, hal. 74.

⁴ Datuk Andata Abdul Aziz bin Ahmad, op. cit, temu bual penulis.

⁵ Nordin Selat, op. cit, hal. 162.

Maka Buapaklah yang punya”.

Anak buah harus mematuhi syarat-syarat yang tertentu ketika menjemput Buapak seperti hidangan makanan yang mana tempatnya mesti elok dan berbeza dengan orang biasa. Kesempurnaan di sini bermakna setiap pinggan dan piring yang dihidangkan itu mestilah tiada cacat seperti sumbing, retak, kotor dan paling penting mesti dari jenis warna yang sama. Hidangan utama bagi Buapak ialah masakan kepada kambing yang dilihat dengan perut kambing semasa memasaknya. Ia mesti menjamah (memakan terlebih dahulu) sebelum diedarkan kepada orang lain. Hidangan ini diletak ke dalam dulang, ditutup dengan tudung saji yang ditutup pula atasnya dengan kain ‘tudung hidang’. Sebelum makan Buapak akan memerhatikan setiap makanan supaya tiada bahan-bahan yang berkurangan atau berlainan. Apabila Buapak menutup semula tudung itu, ini bermakna hidangan itu tersalah hidang dan dia berasa tersinggung.¹ Bila anak buah itu menyedari akan kesalahan, ia mesti membawa tepak sirih dan meminta maaf dengan kata:²

“Terlintas kepala ladang, terpijak benang
orang. Dah salahlah saya nampaknya kepada
Datuk. Maklumlah dah lama tak buat, dah
lupa. Minta maaf lah saya kepada Datuk”.

Pernah dikatakan majlis kenduri diadakan bertujuan untuk menguji pengetahuan seorang Buapak terhadap peraturan adat.³ Pada kebiasaannya tetamu yang datang itu cuba menguji Buapak dengan cara menukar isi “pengiring hidang” sama ada dengan mengurang isi dalam satu-satu hidangan atau membubuh rambut dalam salah satu dari piring tersebut. Sekiranya Buapak yang baru itu tidak nampak akan kesilapan-kesilapan yang sengaja dilakukan oleh anak buah itu, dia dianggap kurang berpengetahuan tentang adat. Peristiwa yang sebegini akan menjatuhkan prestasi seseorang Buapak itu. Bila majlis ini selesai, biasanya majlis membekali dengan pulut kuning, telur dan lauk pauk untuk dibawa pulang oleh Buapak.

Dengan jelasnya Buapak-Buapak adalah mengganggu tugas yang besar untuk menyelesaikan perselisihan-perselisihan yang wujud di dalam lingkungan perutnya. Hal-hal yang seperti ini hanya boleh menyelesaikan setakat kuasa yang ada padanya saja. Sementara persengketaan yang tidak boleh diselesaikan olehnya, perkara tersebut akan dibawa kepada Lembaga suku. Jika perlu seorang Buapak boleh melantik pembantunya yang digelar dengan orang Besar suku.⁴

Bagi setiap anak buah yang hendak mengajukan aduan kepada Lembaga, ia mestilah melalui pihak Buapak, kalau tidak ia boleh dihukum atas kesalahan “melangkahi Buapak”.⁵ Buapak juga sebagai penerima segala mas kahwin bagi pihak keluarga yang terlibat. Ia juga bertanggungjawab dengan kedudukan harta di dalam lingkungannya sama ada untuk dijelaskan atau sebagai hakim di masa pembahagian harta Pesaka. Ia juga sebagai saksi semasa upacara berkadim dijalankan. Walau

¹ Datuk Andata Abdul Aziz bin Ahmad, op. cit, temu bual penulis.

² Nordin Selat, op. cit, hal. 163.

³ Ibid, hal. 163.

⁴ J.J. Sheehan, A. Aziz bin Khamis, Adat Kuala Pilah, LMBRAS, vol. 14, bgh. 3, 1936, hal. 198.

⁵ Nordin Selat, op. cit, hal. 4.

bagaimanapun Buapak hanya boleh menyelesaikan kes-kes jenayah yang remeh temeh sahaja iaitu:

Luka conget pecah berdarah,
Luka ditutup kain baju.¹

Jelasnya, anggota perut begitu mentaati ketua mereka, Buapak merasa terhina jika anak melakukan kesilapan teknik dari segi adat istiadat. Sekiranya tuntutan adat tidak kuasa dilaksanakan, ada lebih baik Buapak itu tidak dijemput.

Sebagai kesimpulannya unit politik yang paling kecil sekali di dalam Ngeri Sembilan ialah kampung, di mana adalah satu unit tempat tinggal biasa dan ada kalanya menjadi tempat bekerjasama dalam kalangan sanak saudara dan dalam ekonomi.² Jadi Buapak adalah sebagai jambatan dan saluran hubungan di antara golongan anak buahnya dengan pembesar-pembesar daerah.

Lembaga

Lembaga adalah nama pemerintah bagi setiap suku. Di sini perlu di terang terlebih dahulu pengertian suku. Suku adalah cantuman antara keluarga dalam perut-perut³ yang mempunyai seorang Buapak tadi. Jadi orang yang membentuk Lembaga ialah kebulatan kata di kalangan Buapak dan anak buah. Tidak semua perut boleh mencalonkan Lembaga, terutama perut dari suku lain yang berkedim dengan sesuatu suku. Namun mereka berhak melantik Lembaga seandainya mendapat persetujuan dari Lembaga. Hanya ketua perut (Buapak) yang sudah lama sahaja yang berhak melantik Lembaga.

Syarat-Syarat Menjadi Lembaga

Terdapat pelbagai-bagai syarat untuk menjadi Lembaga, di antaranya ialah:

1. Ia mestilah dipilih oleh Buapak-Buapak dan disokong oleh kesemua ahli dalam kumpulannya sama ada lelaki atau perempuan hingga kepada kanak-kanak kecil.⁴
2. Ia terdiri dari golongan yang perutnya berhak melantik Lembaga.
3. Berasal dari keturunan yang baik.
4. Dia mesti beristerikan perempuan dari luaknya, kerana sudah termaktub dalam Adat Perpatih bahawa tempat tinggal seorang suami adalah di rumah isterinya, iaitu tempat semenda. Jika isterinya orang luar, akan mendatangkan masalah tempat kediaman.

Ini menunjukkan bahawa bukan sebarang orang yang berhak dilantik memegang jawatan Lembaga. Ia mestilah lengkap dengan syarat-syaratnya kerana

¹ Ibid, hal. 75.

² J.M. Gullick, op. cit, hal. 35.

³ Abdul Rahman Hj. Muhammad, op. cit, hal. 31.

⁴ R.O. Winstedt, op. cit, hal. 88.

tugasnya amat berat yang mana ia bertanggungjawab merangkumi setiap perut yang bergabung di dalam sukunya. Ini dapat di saksikan dalam perbilangan:

Lembaga berlingkungan,
Buapak beranak buah,
Anak buah duduk bersuku-suku.¹

Dalam soal perlantikan ini adalah terletak atas Undang untuk memutuskannya sama ada ia hendak menerima atau menolak. Sekiranya Undang merestui cadangan yang dibuat itu, maka suatu masa yang sesuai akan di cari untuk melaksanakan upacara perlantikan. Di hari tersebut Undang atau Buapak akan mengisytiharkan nama Datuk Lembaga yang baru kepada anak buah di dalam sukunya. Upacara penyembahan juga diadakan dan dilangsungkan dalam suatu hari yang ditetapkan. Upacara ini dilangsungkan di tua tempat yang berasingan iaitu di Telapak² dan di Teratak.³ Menurut kebiasaan upacara di Telapak dilakukan di sebelah pagi, manakala upacara di Teratak dilakukan di sebelah petang. Upacara ini dalam bentuk jamuan kepada anak buah yang mana Lembaga menyembelih dua ekor kambing.⁴

Istiadat Penyembahan

Permulaan upacara dengan Datuk Lembaga pergi ke Telapak tanpa isterinya di waktu pagi dengan berpakaian serba lengkap seperti berbaju Melayu, berdestar dan berkeris. Di rumah ibunya Datuk Lembaga duduk di tempat kebesarannya iaitu di hujung serambi rumah yang telah di lengkap dengan segala kebesaran adat. Datuk Lembaga duduk bersila beralaskan tilam pandak⁵, lalu disembah oleh Buapak dengan cara berjabat salam, kemudian diikuti pula oleh sekalian anak buah. Bagi anak buah tak ada paksaan sama ada hendak menyembah atau tidak. Sesudah upacara penyembahan, jamuan makan diadakan untuk anak buah. Ibu bapa Datuk Lembaga tidak terlibat dalam upacara ini. Majlis di Telapak diakhiri dengan upacara makan saja, tujuan utama adalah untuk memperkenalkan Datuk Lembaga yang baru kepada anak buah.

Manakala upacara di Teratak pula dimulakan dengan jamuan oleh Buapak di pihak isteri terhadap Datuk Lembaga. Menurut adat anak buah juga mesti menyembah. Buapak sebelah isteri bertanggungjawab menjemput Lembaga. Mereka membawa tepak sirih yang biasanya dibungkus dengan tiga lapis kain sama ada dari kain batik lepas atau tudung panjang. Cara membungkus tepak sirih, lapisan pertama dan kedua diikat secara bebas, tapi ikatan yang ketiga penting di mana ikatannya berbentuk biasa tapi ada menunjukkan kepala (pangkal) dan ekor (hujung) yang tidak ketara. Bentuk di luar melambangkan kedudukan isi di dalam. Hanya ketua-ketua adat sahaja yang mengetahui tanda itu. Sewaktu menyerahkan tepak sirih, bahagian kepala

¹ Abdul Rahman Muhammad, op. cit, hal. 31.

² Telapak ialah tempat kelahiran, iaitu tempat kediaman Datuk Lembaga di rumah ibunya.

³ Teratak ialah tempat kediamannya di sebelah isteri (tempat semenda).

⁴ Hasil temu bual penulis dengan Datuk Raja Diraja Abd Razak bin Mohd. Janin (Lembaga) 26 G, Jalan Rasah, Seremban, pada 13.12.1981.

⁵ Pandak ialah sejenis tilam yang mana kelilingnya di hias dengan mengkuang yang dianyam seperti tikar.

didahulukan. Jika buapak tersilap dengan memulakan bahagian ekor, ini bermakna mereka menghina Datuk Lembaga seolah-olah tidak setuju perlantikan itu.¹

Upacara Penyembahan Kepada Undang

Dalam upacara ini Buapak-Buapak atau Lembaga dari kawasan lain tidak semestinya hadir. Tambahan majlis ini hanya kecil sahaja khusus untuk anak buah sesuatu suku sahaja. Pada peringkat ini pengiktirafan dari Buapak dan anak buah sudah diterima. Tapi kedudukan Lembaga tidak utuh seandainya tidak mendapat pengesahan dari Undang,. Dengan itu ia harus melalui satu upacara lagi sebagai pengiktirafan Undang pula.

Upacara ini berlangsung di rumah Undang, menurut kelaziman selepas empat puluh hari perlantikan, Datuk Lembaga mesti mengadakan upacara ini. Pada hari yang ditentukan Buapak dan anak buah dari Telapak dan Teratak mengiringi Datuk Lembaga dan isteri ke rumah Undang dengan membawa buah tangan yang terdiri dari tepak sirih, pulut kuning “berpanca” iaitu pulut kuning yang diisi di dalam suatu bekas berkaki, diperbuat daripada kayu. Luas permukaan terdapat dalam ukuran besar dan kecil. Bentuk permukaan biasanya bulat, empat segi atau bersegi lima. Atas pulut kuning di cucut dengan bunga telur sebagaimana yang pernah di lihat dalam upacara perkahwinan. Juga dibawa bunga telur mengikut keupayaan atau kesukaan Datuk Lembaga tentang bilangannya, penganan (dodol) dan wajib sepancar kecil serta wang sebahara.² Barang-barang ini disediakan dan dibawa oleh Lembaga.

Apabila sampai di rumah Undang, Datuk Lembaga akan menyerahkan barang-barang bawanya, dimulai dengan tepak sirih kemudian seterusnya. Setelah Datuk Undang menerima persembahan, Datuk Lembaga bersama isteri melangkah ke hadapan Undang, mengangkat sembah seperti menyembah raja, dengan gerakan lima kali ke hadapan dan tiga kali ke belakang. Bila upacara penyembahan tamat, Datuk Undang mengadakan jamuan ringan. Buah tangan adalah khas untuk keluarga Undang. Tamatnya upacara penyembahan apabila selesai jamuan tersebut.³

Sebagai kesimpulannya, pengesahan jawatan seorang Datuk Lembaga itu melalui penyembahan dari pihak Telapak, Teratak seterusnya dari pihak Undang. Oleh itu upacara penyembahan amat penting meskipun ia memerlukan belanja yang banyak tapi ia dimestikan kerana sudah menjadi adat yang teradat.

Tugas-Tugas Lembaga Dalam Masyarakat

Tugas Lembaga adalah bertanggungjawab terhadap segala hal yang berlaku dalam perut-perut yang bergabung dalam sukunya.⁴

Walau bagaimanapun tugas Lembaga ini hanya terhenti atas tugas-tugas kecil sahaja kerana tugas yang agak besar akan pergi kepada Undang. Sebagai contoh dalam kes-kes jenayah Lembaga hanya boleh menyelesaikan kes-kes kecil seperti

¹ Datuk Raja Diraja Abd Razak bin Mohd. Janin, op. cit, temu bual penulis.

² Sebahara adalah sama nilai dengan \$24/=

³ Datuk Raja Diraja Abd Razak bin Mohd. Janin, op. cit, temu bual penulis.

⁴ Abdullah Siddik, op. cit, hal. 122.

“membuta mata, mematah tulang, memutus urat”.¹ Manakala dalam kes yang besar-besar ia hanya berfungsi sebagai polis yang bertugas menyiasat, menangkap dan membawa orang yang bersalah itu menghadap Undang. Undanglah yang akan memberi hukuman. Dalam masalah-masalah kemasyarakatan seperti berlakunya hutang piutang dalam masyarakat. Lembaga ditugaskan menyiasat segala yang berlaku, seterusnya mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap mereka-mereka yang melakukan kesalahan.

Dalam pembahagian harta, Lembaga mesti hadir sebagai saksi, dia juga memutuskan dan mengesahkan waris-warisan mana yang berhak menerima harta Pesaka. Setiap harta Pesaka mesti disahkan oleh Lembaga di hadapan pegawai daerah, kemudian barulah harta itu boleh diwariskan. Dalam hal ehwal adat di dalam sukunya, ia mesti datang menerangkan peraturan-peraturan yang wujud dalam adat tersebut. Semasa anak buah hendak melakukan perkediman ia ditugaskan sebagai tukang menanda tangan surat pengesahan sebagai sah seorang anak angkat itu. Sekiranya berlaku pertikaian pada masa dahulu Lembaga yang menyelesaikan,² tetapi pada masa sekarang ini ia berfungsi sebagai saksi sahaja.

Dalam erti kata yang lebih luas Lembaga adalah berkuasa melantik Undang. Dia juga berkuasa menjatuhkannya seandainya mereka tidak setuju dengan pertikaianya. Lembaga adalah merupakan orang terbesar dalam sukunya. Dia mewakili sukunya dalam perundingan dengan Undang. Segala perubahan atau pembaharuan adat hanya boleh dilakukan dengan persetujuan Lembaga. Pendek kata Lembaga bertanggungjawab menyelesaikan sebarang perselisihan antara sukunya dengan suku yang lain. Untuk hal ini dia harus mencari persetujuan dengan Lembaga suku orang lain yang turut terlibat. Maka haruslah bagi setiap Lembaga itu kenal mengenal antara sesama Lembaga dalam luak masing-masing. Paling sekali dia harus mengenal kesemua Buapak yang berada di bawahnya.

Sebagai kesimpulannya, kedudukan Datuk Lembaga secara langsung mempengaruhi perlakuannya. Bekerja kuat bukan dalam erti kata membuat kerja dalam semua bidang secara kuat. Tapi apa yang patut dilakukan ialah berjalan dengan gerak langkah sambil membawa tongkat supaya dapat memperlihatkan kewibawaan seorang pemimpin. Dalam hubungan dengan raja dan pegawai daerah, beliau juga ada keistimewaan. Panggilan antara keduanya ada kelainan misalnya Datuk Lembaga membahaskan dirinya “sahabat beta” manakala pegawai daerah “berpatik”. Jika ada urusan dengan kerajaan Datuk Lembaga didahulukan dari orang lain.³

Secara ringkas dalam kehidupan seharian anak bah sedaya upaya untuk menyanjung pemimpin mereka seperti menyediakan alat kebesaran sekiranya Datuk Lembaga dipanggil kesatu-satu upacara. Bagi pihak Lembaga pula, mereka harus menjaga setiap gerak laku supaya tidak dipandang sumbang oleh anak buah. Walaupun kedua pihak berinteraksi begitu erat, tapi bagi pemimpin adalah lebih untung.

¹ Nordin Selat, op. cit, hal. 73.

² Ibid, hal. 73.

³ Hasil temu bual penulis dengan Datuk Talib bin Jonos, Setiausaha kepada Y.T.M. Datuk Kelana Putera, Undang Sungai ujong, pada 5.12.1981.

Adat Istiadat Perlantikan Undang Serta Perbandingan Antara Luak-Luak Yang Empat

Istilah “Undang”, adalah khusus bagi luak-luak Sungai Ujing, Jelevu, Johol dan Rembau.¹ Mereka dipilih menjadi ketua bagi daerah-daerah tadi. Pemilihan mereka mengikut penentuan adat yang ada iaitu dengan cara bergilir-gilir mengikut “giliran”. Mereka dimasuk ke dalam undang-undang negeri, lebih-lebih lagi dalam perkara-perkara yang bersangkutan dengan adat. Mereka juga sebagai ahli jawatankuasa rayuan Negeri, kedudukan mereka hampir sama dengan Yang Dipertuan Besar dan kerja-kerja mereka adalah termaktub di dalam perlembagaan.² Dapat dilihat perkara lima dan enam perlembagaan Negeri Sembilan. Di antara luak-luak yang diciptakan itu menurut sejarah ada empat luak yang mempunyai kedudukan yang istimewa di mana kepala negaranya digelar Undang. Luak-luak itu ialah:³ sungai Ujong, Johol, Jelevu, dan Rembau. Kedudukan luak-luak yang lain adalah digelar Penghulu dan ada satu luak bergelar Tengku Besar Tampin. Ini bermakna taraf kedudukan Undang adalah tinggi.

Luak Dan Ikatan Suku-Suku

Setiap daerah di dalam Negeri Sembilan dikenali sebagai luak atau Luak. Setiap luak mempunyai ketua tersendiri, ada yang bergelar Undang dan ada yang bergelar Penghulu. Sebagaimana diketahui bahawa Negeri Sembilan mempunyai banyak suku dan setiap suku ada ketua sama ada Buapak atau Lembaga. Jadi dalam perkembangan selanjutnya suku-suku tersebut bergabung ke dalam satu persatuan yang disebut luak, iaitu kesatuan wilayah yang terdiri dari beberapa kampung yang berpenduduk daripada pelbagai suku. Dengan itu bolehlah ia dikatakan, merupakan satu ikatan atau satu persatuan dengan anggota atau ahli-ahlinya terdiri dari suku-suku yang tinggal dalam luak tersebut, yang merupakan ikatan sebangsa dan setanah.

Keadaan Hidup Dalam Suku

Kehidupan mereka adalah seperti adik-beradik, tolong-menolong dan setiap kerja yang dilakukan adalah atas nama suku. Segala keuntungan atau kerugian di dalam perlakuan adalah tanggungjawab bersama. Mereka tidak mementingkan diri sendiri kata pepatah:

Kalau gedang (besar) jangan melanda,
Jika cerdik janganlah menipu.⁴

Dan juga tidak boleh memencilkan diri. Seperti kata perbilangan:

Sejak berduku, berkelapa,
Pandan tidak panjang lagi,

Sejak bersuku berkepala,
Badan nan tidak senang lagi.¹

¹ Nordin Selat, op. cit, hal. 64.

² M.B. hooker, The Personel Laws of Malaysia, op. cit, hal. 66.

³ M.B. Hooker, Adat Laws In Modern Malaya, op. cit, hal. 125.

⁴ Haji bin Haji Mohd. Dom, op. cit, hal. 6.

Jadi keadaan hidup sesuku ini bak telur sesangkar, pecah sebiji pecah semuanya. Bermakna kalau binasa seorang, binasa semuanya. Boleh dilihat dalam perbilangan yang berbunyi:

Sehalaman sepermainan
Seperigi sepermandian
Sejamban seperulangan.²

Berat sama dipikul,
Ringan sama dijinjing,
Ke bukit sama di daki,
Ke lurah sama dituruni,
Ke laut sama direnangi,
Dapat sama laba,
Cicir sama rugi.³

Mereka hendaklah sentiasa menolong kaumnya yang di dalam kesusahan, seperti kata adat.

“Hanyut dipintas,
Lulus diselami,
Hilang dicari”.⁴

Untuk mengetahui dengan lebih jelas mengenai dengan Undang ini dapat dilihat dalam undang-undang Sungai Ujong fasal 20 yang berbunyi:⁵

Adapun Undang-Undang Luak
Mencampak tiba ke hulu
Kenalah pantai dek jala
Di lerak di dalam cupak
Di jering dengan si pedas.

Luak yang berpenghulu
Alam yang beraja
Tegak yang tidak tersandak
Melenggang yang tidak berpapas
Melintang patah
Membujur lalu
Salah pada raja mati
Salah pada Penghulu berhutang.

Adapun tegak yang tidak tersandak, melenggang yang tiada berpapas itu 24 perkara (1) orang alim (2) orang pergi mengaji (3) Raja (4) Penghulu (5) anak buah Penghulu (6) Penghulu perempuan (7) Imam (8) Khatib (9) berim bau berjemput (10)

¹ Ibid, hal. 6.

² Nordin Selat, op. cit hal. 30.

³ Abdullah Siddik, op. cit, hal. 122.

⁴ Abdul Rahman Haji Muhammad, op. cit, hal. 34-35.

⁵ Sir Richard Winstedt dan Dr. P.E. de Josselin de Jong, op. cit, hal. 47.

orang mencari kerbau (11) orang beranak (12) orang berpadan berimbuh (13) orang pandai ubat (14) orang dijemput akan berbuat rumah atau (17) berserunai atau (18) akan berguru atau (19) bersalin.

Adapun erti tegak tidak tersandak, melenggang tidak berpapas ialah pada masa negeri berperang, bedil berletusan, galah bersilang, berdarah tangan sekalipun, sepuluh perkara: (1) orang alim (2) orang pergi mengaji (3) Raja (4) berjamu (5) berjemput (6) orang sebapa (7) orang seibu (8) orang pandai ubat (9) orang berguru (10) orang berasian.

Kedudukan Datuk Undang Dalam Masyarakat

Kedudukannya adalah terlalu tinggi dari segi pakaian hingga kepada pergaulan seharian, ia mendapat keistimewaan. Ketika menghadiri upacara, Datuk Undang mesti berpakaian kebangsaan iaitu berbaju Melayu, berdestar dan berkeris. Suatu masa dahulu Undang tidak boleh memakai sampung dan destar yang satu warna dengan baju dan seluar. Tapi kini larangan tersebut tidak berkuat kuasa. Begitu juga lipatan destar tiap-tiap Undang mengikut taraf dan kedudukan mereka. Lama-kelamaan berlaku perbalahan meskipun masih ada Undang yang masih kekalkan lipatan.

Cara Perlantikan Undang Sungai Ujong

Undang Luak Sungai Ujong adalah merupakan kedudukan yang tertinggi di kalangan Undang dan Penghulu di Negeri Sembilan. Ia merupakan yang kedua selepas Yang Dipertuan Besar. Pemilihan Undang bagi luak ini bukan bergantung pada waris dan suku, tetapi dari wakil-wakil dua perut sukunya dan seorang pegawai adat. Perut-perut itu ialah waris di Hilir yang diwakili oleh Datuk Maharaja Lela dan waris di Hulu diwakili oleh Datuk Johan.¹

Datuk Kelana Putera dipilih dari satu waris sahaja iaitu waris Kelana. Datuk Andika kepada waris bagi semua waris di Darat.²

Sungai Ujong seolah-olah mempunyai dua ketua. Datuk Kelana Putera dan Datuk Shah bandar. Datuk Kelana Putera ketua bahagian darat dan Datuk Shah Bandar ketua bahagian air. Dalam upacara-upacara negara kedua-dua datuk ini dipanggil. Status Datuk Kelana Putera adalah lebih tinggi. Datuk Shah Bandar merupakan asal gelaran dari orang yang bukan berketurunan raja.

Kalau ketiga-tiga iaitu Datuk Maharaja Lela waris di Hilir, Datuk Johan waris di hulu dan seorang ketua adat tidak mencapai kata sepakat dalam pemilihan pengganti ini. Maka Undang akan dipilih oleh Lembaga Tiang Balai. Anggota-anggota Lembaga ini terdiri dari kawasan Sungai Ujong yang bukan Lembaga-Lembaga Suku. Mereka terdiri dari:³

- a) Datuk Mendika.
- b) Datuk Sri Maharaja Diraja.
- c) Datuk Akhir Zaman.

¹ Datuk Talib bin Jonos, op. cit, temu bual penulis.

² M.B. Hooker, Adat Law sIn Modern Malaya, op. cit, hal. 148.

³ Nordin Selat, op. cit, hal. 64.

- d) Datuk Dagang Parui.

Di sini diberi senarai Penghulu Sungai Ujong:

- a) Datuk Kelambu (Muhammad Tumbu, anak Bendahara Sekudai).
- b) Datuk Musang (anak Bendahara Sekudai).
- c) Penghulu Selat (anak Datuk Musang).
- d) Penghulu Kadim.
- e) Penghulu Pandak.
- f) Penghulu Cantik (atau Penghulu Rumah Gadang).¹

Selepas Penghulu Cantik Penghulu yang memerintah di Sungai Ujong memakai gelaran Datuk Kelana Putera hinggalah sekarang. Senarai Datuk Kelana Sungai Ujong adalah seperti berikut:²

- a) Datuk Kelana Badur (kira-kira tahun 1760) dari Perut Hulu.
- b) Datuk Kelana Lela (kira-kira tahun 1780) dari Perut Hulu.
- c) Datuk Kelana Bahi (kira-kira tahun 1800) dari Perut Hilir.
- d) Datuk Kelana Kawal (kira-kira tahun 1830) dari Perut Hulu.
- e) Datuk Kelana Sendeng (kira-kira tahun 1850) dari Perut Hulu.
- f) Datuk Kelana Syed Abdul Rahman (orang Arab) dari 1872-1879. (1879 meninggal dunia di Mekah).
- g) Datuk Kelana Lela Setia Muhammad Yusuf dari Perut Hilir 1881-1889 (dipecat).
- h) Datuk Kelana Maamor bin Kasim dari Perut Hulu 1889-1945 (meninggal dunia pada 15.12.1945).
- i) Datuk Kelana Muhammad Kassim bin Datuk Andika Haji Abdul Rasyid dari Perut hilir, 1946-sekarang.

Perlu dijelaskan di sini bahawa pada masa ini nama Sungai Ujong itu telah berubah pula menjadi Seremban, pekannya Seremban dan daerahnya juga dipanggil Seremban. Nama Sungai Ujong hanya tinggal kepada gelaran atau pangkat Datuk Kelana Putera, Undang luak Sungai Ujong sahaja.³ Kawasan Sungai Ujong pada masa dahulu sangat luas. Beberapa buah tempat dalam negeri Selangor sekarang ini dahulunya dalam kawasan Sungai Ujong. Tempat itu ialah seperti Kajang, Rakoh, Semenyerh, Beranang dan lain-lain.⁴

Cara Perlantikan Undang Johol

Gelaran bagi penyandang Undang Johol ialah Johan Pahlawan Lela Perkasa Setiawan.⁵ Ia mestilah anggota dari suku Biduanda (waris), suku-suku Biduanda lain seperti Biduanda Jawa atau Biduanda Mendatang tidak berhak. Apatah lagi suku-suku lain dalam luak Johol memang tidak berpeluang langsung. Dari suku Biduanda waris ini ada dua perut iaitu perut Johol dan Perut Gemencheh yang mana anggota-

¹ Haji Buyung Adil, op. cit, hal. 6.

² Abdul Samad Idris, Negeri Sembilan Dan Sejarahnya, op. cit, hal. 65-66.

³ Ibid, hal. 54.

⁴ Ibid, hal. 60.

⁵ M.B. Hooker, Adat Laws In Modern Malaya, op. cit, hal. 163.

anggotanya layak menjadi Undang. Jawatan ini dipegang secara bergilir-gilir antara dua perut ini.

Jika perut Johol menjawat Undang, maka Perut Gemencheh pula ketika yang sama menjawat pangkat Baginda Tang Mas. Secara automatik bila Undang dari perut Johol itu mati, Baginda Tan Mas dari perut Gemencheh itu akan menjadi Undang yang baru. Akan tetapi kalau Baginda Tan Mas dari perut Gemencheh tadi mati sebelum sempat naik pangkat menjadi Undang, maka gantinya dari perut yang sama.

Undang Johol atau gelarannya Johan Pahlawan Lela Perkasa Setiawan dipilih oleh semacam satu badan atau kumpulan yang diketuai oleh Datuk Jenang dan dianggotai oleh Buapak Yang Enam yang terdiri daripada:¹

- a) Paduka Bangsa.
- b) Menggarang.
- c) Sa Ibu Garang.
- d) Sa Rumpun.
- e) Baginda Malana.
- f) Paduka Raja Lela.

Begitu juga pemilihan Baginda Tan Mas dilakukan oleh Datuk jenang dan Buapak Yang Enam dan disaksikan oleh Datuk Undang.

Kuasa Undang

Sebagai Undang, seperti juga Undang-undang yang lain, kuasa muktamad memilih Yang Dipertuan Besar terletak ditangannya. Beliau berkuasa penuh di dalam luaknya tanpa campur tangan raja. Hal ehwal adat dan sengketa segala yang berlaku di dalam luaknya adalah haknya untuk memutuskan, tetapi tentang menjatuhkan hukuman masih lagi pada keadilan seperti kata perbilangan:²

Kata bercarian pada anak buah,
Sah batal kepada Lembaga,
Kata bercarian pada Lembaga,
Sah batal kepada Undang,
Kata bercarian pada Undang,
Sah batal kepada keadilan.

Berbanding dengan Penghulu Luak, kuasa undang bukan saja melibatkan adat malahan meliputi kuasa perundangan.

Datuk Jenang

Beliau merupakan kepala Suku Biduanda (waris) dan suku-suku Biduanda yang lain. Jawatan ini dipegang secara bergilir-gilir antara perut Simpang, Narusa dan Kuala Johol. Tugasnya ialah “kunci Pesaka waris sila-sila”, pengawas adat dan

¹ Ibid, hal. 163.

² A. Kdir Yusof, op. cit, hal. 39.

menentukan perhubungan rapat dengan Batin ketua orang Asli tempatan. Beliau juga menjadi saksi bila upacara penabalan Undang dilakukan.¹

Sebelum tahun 1723 pemerintahan Johol tidak dinamakan Undang. Mereka memakai gelaran Datuk sahaja. Pada tahun sebelum 1723 pemerintahan di Johol bernama Datuk Johol, isterinya bernama Nenek Kerbau. Mereka mempunyai seorang puteri bernama Puteri Kanun. Ia berkahwin dengan Bendahara Sekudai. Setelah puteri memeluk agama Islam ia dinamakan Siti Hawa. Oleh sebab ia suka bersiar di puncak gunung ayahnya memberi gelaran Siti Awan Johan Lela Perkasa Setiawan. Bila Datuk Johol meninggal dunia, anaknya iaitu Siti Awan (Johan Lela Perkasa Setiawan) telah menggelarkan dirinya Datuk Undang Johol yang pertama pada tahun 1723.² di bawah ini disenaraikan nama-nama Datuk Undang Johol:

- a) Datuk Puteri Siti Awan (perempuan) 1723-1747.
- b) Datuk Rambut Panjang (perempuan) 1747-1760.
- c) Datuk Puteri Siti Awan II (perempuan) 1760-1790.
- d) Datuk rambut Jantan (lelaki) 1790-1810.
- e) Datuk Nuri (lelaki) 1810-1820.
- f) Datuk Abu Bakar Gubah (Tok Buncit) 1820-1840.
- g) Datuk Wan Eto Rubah (Datuk Saeto) 1840-1901.
- h) Datuk Wan Omar bin Wan Hassan 1901-1949.
- i) Datuk Kamat bin Haji Sulaiman 1918-1949.
- j) Datuk Abdul Manaf bin Tolok 1949-1973.
- k) Datuk Haji Abdul Majid bin Abdul Wahid 1973-1979.³

Cara Perlantikan Undang Luak Rembau

Datuk undang Rembau yang pertama bergelar Lela Maharaja. Sejak itu Biduanda Waris Jakun di sebut Biduanda Lela Maharaja. Seri Rama mula menjadi Datuk Undang Rembau yang pertama pada tahun 1540. seri Rama telah dikahwinkan dengan sepupunya anak perempuan Datuk Laut Dalam yang bernama Siti Hawa. Sejak itu jawatan Datuk Undang Rembau di sandang bergilir-gilir oleh keturunan anak perempuan Datuk Lela Balang (Biduanda Waris Jakun) bergelar Lela Maharaja dan oleh keturunan anak perempuan Datuk Laut Dalam (Biduanda Waris Jawa) bergelar Datuk Sedia Raja.⁴

Untuk menentukan dua giliran dan dua perut tersebut, Buapak dari 8 kampung bermesyuarat, diketuai oleh Lembaga Waris Biduanda Datuk Perba bertempat di surau pertengahan antara Baruh dan Darat. Anggota-anggota pemilihan terdiri dari:⁵

1. Buapak Perut Lela Maharaja.

- a) Siamar Raja dari kampung Kota.
- b) Paduka dari kampung Cengkau dan Cembung.

¹ En. Shamsul Amri, op. cit, hal. 9.

² Haji Buyung Adil, op. cit. hal. 35-36.

³ Ibid, hal. 35-36.

⁴ Ibid, hal. 29.

⁵ Hasil temu bial penulis dengan En .Husin bin Kasim, Setiausaha kepada Y.T.M. Undang Luak Rembau, pada 5.12.1931.

- c) Menteri Maharaja dari kampung Gadung.
- d) Juan dari kampung Tebat.

2. Buapak Perut Sedia Raja.

- a) Menti dari kampung Bukit.
- b) Orang Kaya Muda dari kampung Pulau.
- c) Kaya Maharaja dari kampung Tanjung.
- d) Kaya Menteri dari kampung Tengah.

Apabila penentuan giliran perut didapati, terserah pula kepada Datuk Lembaga untuk memberitahu semua waris. Bila semua Lembaga mencapai persetujuan terserah pula pada Datuk Perba memanggil waris-waris Buapak dan Lembaga untuk mendapatkan nama-nama calon. Calon terbuka kepada mereka yang berusia lapan belas tahun ke atas. Datuk Perba bersama orang Besar Undang Berempat bertugas memilih calon-calon yang layak. Mereka ialah:¹

- a) Datuk Syahbandar.
- b) Datuk Mangku Bumi.
- c) Datuk Menteri Lela Perkasa.
- d) Datuk Raja Diraja.

Seterusnya di balai Undang apabila nama calon-calon dipersembahkan kepada Datuk Lembaga Tiang Balai Yang Delapan bagi menentukan seorang calon sahaja. Mereka terdiri dari Tiang Balai Darat dan Baruh di mana, Datuk Lembaga Tiang Balai sebelah Darat hanya berhak membuat pengesahan, kerana mereka mesti tunduk kepada kata perbilangan:²

“ Yang sebelah Baruh menjadikan,
Yang sebelah Darat mengakui”.

Setelah kebulatan suara tercapai dari mereka yang terlibat, ini bererti keputusan rasmi diterima. Datuk Gempa Maharaja bertanggungjawab mengemukakan nama bakal Undang sekiranya ia terpilih dari perut Lela Maharaja, sebaliknya jika pemilihan berasas pada perut Sedia Raja, maka Datuk Merbangsa akan mengemukakan nama. Di sini diberikan nama-nama Datuk Undang Rembau:

1. Seri Rama Lela Maharaja, Waris Jakun, kampung Kota 1540-1555.
2. Datuk Amba, Waris Jawa, kampung Kota, 1655-1605.
3. Datuk Lenggang (Genggang), Waris Jakun, kampung Kota 1605-1620.
4. Datuk Pandak, Waris Jawa, kampung Tengah, 1620-1645.

¹ Ibid, Temu bual penulis dengan En. Husin bin Kassim.

² Abbas Haji Ali, op. cit, hal. 61.

5. Datuk Uban Puteh Kepala, waris Jakun, Kampung Cengkau 1645-1660.
6. Datuk Sagah, Waris Jawa
7. Datuk Kurap, waris Jawa (masa kedua datuk ini kekuasaan Johor kuat di Rembau tahun 1660-1750).
8. Datuk Sabat (Subuk).
9. Datuk Linsoh, waris Jakun, kampung Cengkau 1750-1790.
10. Datuk Pekak, waris Jawa, kampung Tengah 1790-1795.
11. Datuk Kusil, waris Jakun, kampung Tebat 1795-1812. (Datuk Kusil memecat Datuk Pekak dan dengan itu Yamtuan Muda mula diadakan di Rembau).
12. Datuk bogok, waris Jawa, kampung Bukit 1812-1819.
13. Datuk Nganit, waris Jakun, kampung Cengkau 1819-1838.
14. Datuk Akhir, waris Jawa, kampung Pulau 1838-1871.
15. datuk Haji Sahil, waris Jawa, kampung Cengkau 1871-1883.
16. Datuk Serun bin Sidin, waris Jawa, kampung Tengah 1883-1905.
17. Datuk Haji Sulung bin Maah, waris Jakun, kampung Gadang 1905-1922.
18. Datuk Abdullah bin Haji Dahan, waris Jawa, kampung Tanjung 1922-1938.
19. Datuk Haji Ipap bin Haji Abdullah, waris Jakun, kampung Kota 1938-1962.
20. Datuk Haji Adnan bin Maah, waris Jawa, kampung Bukit 1962-.....¹

Cara Perlantikan Undang Luak Jelevu

Mengikut adat purbakala, apabila seorang raja mangkat maka gantinya hendaklah dilantik sebelum jenazahnya dimakamkan. Ini adalah mengikut perbilangan:

Raja mati, Raja Menanam.

¹ Haji Buyung Adil, op. cit, hal. 29-30.

Oleh sebab lantikan seorang Undang untuk menggantikan Undang yang baru mati itu bukanlah satu perkara yang mudah, maka suatu aturan telah dicipta bagi mengatasi masalah tersebut. Dalam Luak Jelevu Datuk Nika Menteri Shah Mangku Alam Raja Sehari adalah ditetapkan menjadi pemangku Undang Luak Jelevu. Ia memerintah sehingga seorang Undang yang baru dilantik.

Semasa usung jenazah ada seorang budak dengan gelaran “Perdana Menteri” menabur emas urai hinggan ke pusara. Ini menandakan andika Undang tersebut adalah diamanahkan kepada Datuk Nika Menteri Shah Mangku Alam Raja Sehari sehingga ia menyerahkan kepada waris pusaka yang hak.¹

Undang Luak Jelevu adalah seorang pemerintah yang berperlembagaan, dengan itu perlantikan kepada kedudukan tersebut adalah dengan kehendak rakyat jelata. Bila seorang Undang Luak Jelevu itu mati, maka orang Dagang yang diwakili oleh Lembaga yang tiga seperti Datuk Menggiang (suku Mungkal), Datuk Chinchang (suku Tanah Datar) dan Datuki Senara (suku Batu Belang) adalah berkewajipan memohonkan kepada Datuk Menteri untuk memilih Undang. Dengan permohonan ini Datuk Menteri memanggil kerapatan adat di “Balai Nan Panjang” yang terdiri dari Datuk Yang Lapan bagi menghasilkan pemerintahan tersebut. Dalam kerapatan itu suatu penentuan “giliran menerima pusaka undang” tersebut adalah ditetapkan dari kalangan perut-perut waris yang menyambut giliran pusaka itu.

Setelah mendapat ketentuan tersebut maka perkara itu diserahkan kepada pihak yang berkenaan iaitu waris yang menyambut giliran pusaka Undang itu bagi menentukan siapa dari kalangan anak buah mereka “waris yang Pasak” yang banyak dan boleh diharapkan bagi menyandang pusaka Undang tersebut.² Apakala langkah tersebut menempah jalan buntu di kalangan anak buah, waris menyerah kembali kuasa memilih kepada Balai Nan Panjang. Ini berdasarkan pada perbilangan:

“Rosak Pusaka bertengok kepada Datuk Ombi
Rosak adat bertengok kepada datuk Menteri”.

Sebagai contoh Datuk Mendika Menteri Akhir Zaman Shahmaruddin bin Haji Abdul Rahman Undang Luak Jelevu yang ke-17 telah mati pada petang Isnin malam Selasa 31 Disember 1962 dan selamat dimakamkan mengikut adat istiadat Purbakala pada Selasa 1 Januari 1963, tetapi gantinya memakan masa lebih satu tahun. Di bawah ini di senaraikan nama-nama Undang Luak Jelevu:

1. Datuk Moyang Saleh, waris Ulu Jelevu.
2. Datuk Bukur, waris Ulu Jelevu.
3. Datuk Bakul, waris Ulu Jelevu.
4. Datuk Yunus, waris Ulu Jelevu.
5. Datuk Lub (Kulub) waris sarin.
6. Datuk Deraman, waris Kemin.
7. Datuk Durangga (Datuk Gajah Tua atau Datuk Gila) waris Ulu Jelevu.
8. Datuk Pandak, waris Sarin.
9. Datuk Mahmud (Kulub Tunggal) waris Kemin.

¹ Abdul Ghani Shahmuddin, Adat Perpatih Negeri Sembilan patutlah dikaji dengan teliti, dalam Dewan Masyarakat 15 Januari 1964, hal. 17.

² Ibid, hal. 17.

10. Datuk Haji Ibrahim, waris Kemin.
11. Datuk Syed Ali, waris Ulu Jelevu (hingga Mei 1912).
12. Datuk Abdullah, waris Sarin 1912-1943.
13. Datuk Samaruddin, waris Kemin 1945-1963.
14. Datuk Abu Bakar, waris Ulu Jelevu 30.8.1965-20.1.1979.¹

Untuk lebih jelas bahawa waris yang tiga (waris berundang) adalah yang berhak menghitam dan memutihkan lantikan Undang Luak Jelevu itu dan bukanlah Datuk Menteri (tali adat) serta Datuk Ombi (tali Pesaka) mahupun balai nan panjang seperti yang dikatakan oleh perbilangan:

“Pertama mencabut, kedua menanam,
Sah sekata, berkebulatan datuk-datuk yang
Lapan”.²

Untuk lebih jelas mengenai perselisihan perlantikan dapat dilihat dalam kes perlantikan Undang Luak Jelevu yang dikatakan tidak sah. Di mana datuk Lembaga bertujuh telah memutuskan bahawa perlantikan Undang Luak Jelevu yang baru, Datuk Musa bin Wahab tidak sah mengikut adat kerana beliau tidak dicalonkan menjadi Undang oleh Datuk Lembaga Yang Lapan.

Keputusan ini telah dicapai dalam sidang tergepar oleh Datuk Lembaga bertujuh. Sidang itu juga memutuskan bahawa kedudukan Datuk Menteri Othman, Baginda terpecat dengan sendirinya kerana melanggar adat. Ketujuh-tujuh Datuk Lembaga yang hadir itu ialah datuk Ombi Syed Alwi bin Syed Idrus sebagai Induk waris menjadi Pengerusi, Datuk raja Balang Syed Ismail bin Syed Alwi, Datuk Paduka Sulaiman bin Abdul Ghani, Datuk Maharaja Inda Shariff bin Sagam, wakil Datuk Nging, Datuk Chinchang Ahmad bin Abu dan Datuk Senara Angsa haji Shariff bin Gading.³

Perkara ini seterusnya dirayu untuk dibicarakan di Mahkamah Persekutuan. Ini dapat dilihat dalam kes Datuk Menteri Othman bin Baginda & Anor. V. Datuk Ombi Syed Alwi bin Syed Idrus.⁴ (Mahkamah Persekutuan, Kuala Lumpur, No: 104-1984). Kes ini dibicarakan oleh hakim Tun Mohd Suffian, raja Azlan Shah, Salleh Abbas, Ibrahim Manan dan Hashim Yeop A. Sani pada 15 Julai dan 26 September, 1980 di Mahkamah Persekutuan, Kuala Lumpur.

Dalam kes ini pihak menentang telah memohon untuk mengisytiharkan atau membuat akuan bahawa perlantikan tersebut oleh pihak perayu yang pertama mengenai perayu kedua sebagai Undang Jelevu yang baru telah bertentangan dengan adat, kebudayaan dan perlembagaan Luak Jelevu. Perayu-perayu selepas gagal mempertahankan memohon pula untuk menyatakan bahawa pernyataan tuntutan dijelaskan bahawa Mahkamah tidak mempunyai kuasa kerana pertelingkahan itu melibatkan satu persoalan adat dan adat Melayu di dalam Luak, atas alasan dalam kes pihak yang kena tuntutan yang kedua di bawah di bawah Perlembagaan Negeri Sembilan beliau sebagai Undang ada keistimewaan iaitu terkecuali dari hukuman.

¹ Haji Buyung Adil, op. cit, hal. 18-19.

² Abdul Ghani Shahmaruddin, op. cit. hal 17.

³ Utusan Malaysia, rabu, 6 Februari 1980, hal. 8.

⁴ The Malay Law Journal, Januari, 1981, hal. 29.

Oleh itu hakim yang membicarakan kes itu menggugurkan permintaan perayu-perayu. Berpandukan dengan kes ini mahkamah mempunyai kuasa untuk membicarakan tuntutan itu dan pihak kena tuntutan yang kedua pula tidak mengikut undang-undang yang sebenar. Diputuskan dengan majoriti, hakim Tun Mohd Suffian enggan menyetujui. Dia memberi alasan:

- a) Dewan Keadilan dan Undang diberi kuasa oleh perlembagaan untuk menasihatkan di atas perkara-perkara yang berhubung dengan adat Melayu dan sebagai Dewan dalam kes ini telah merestui perlantikan penentang yang kedua sebagai Undang Luak Jelevu. Mahkamah sepatutnya jangan cuba untuk masuk campur berhubung dengan fungsi-fungsi Dewan yang ia lebih sesuai untuk menyelesaikannya.
- b) Mahkamah sepatutnya menolak hukuman di atas perkara ini kerana ia adalah bersidang tanpa penyelesaian (forum non convenient) dan di sana bahawa terdapat satu badan lain yang lebih sesuai dan di bawah kuasa Perlembagaan negeri untuk menentukan perkara tersebut.
- c) Dalam kes ini pihak penentang telah menghantar bantahan kepada Duli Yang Mulia Yang Dipertuan Besar dan Undang-Undang yang lain, juga kepada setiausaha Dewan dan Dewan bersidang merundingkan berhubung dengan penentangan itu dan akhirnya memberi keputusan bahawa perkara tersebut sepatutnya selesai di situ saja. Pihak penentang seharusnya di halang dari membawa perkara itu lagi terutama ke mahkamah.
- d) Perkara 181 (2) Perlembagaan Persekutuan tidak penting dalam kes ini. Disebabkan perlantikan perayu yang kedua adalah tidak dipersetujui. Perkara ini sebenarnya tidak mendefinisikan pemerintahan tetapi menjelaskan sebab-sebab seorang itu menjadi pemerintah.

Dalam kes ini jelaslah bahawa persoalan-persoalan yang berhubung dengan adat dan istiadat adalah di putuskan oleh Dewan Keadilan serta penganut-penganut adat itu sendiri. Tak perlu mencari penyelesaian di mahkamah awam. Kalau diajukan pun mahkamah tidak ada bidang kuasa untuk menyelesaikan persoalan tersebut.

Penghulu

Penghulu adalah merupakan gelaran bagi ketua adat Luak tanah Mengandung. Cuma kadang-kadang mereka diisytiharkan sebagai Undang Tanah Mengandung. Ia dipilih dari Suku sesuatu luak masing-masing. Fungsi dan keutamaan Penghulu kurang dari Undang. Dulu mereka di bawah Undang seperti Penghulu Ulu Muar, Jempol, Terachi dan gunung Pasir pernah di bawah Undang Johol. Tetapi sekarang mereka di bawah Yamtuan. Penghulu menghadap Yamtuan bila keadaan memerlukan terutama memohon persetujuan baginda dalam hal ehwal adat. Penghulu tidak terlibat secara langsung dengan pentadbiran keseluruhannya Negeri Sembilan. Mereka tidak menjadi anggota dewan keadilan dan Undang. Dalam upacara negeri hierarki Penghulu adalah di bawah Undang selepas Datuk Syah Bandar Sungai Ujong. Selain dari menjadi Penghulu Luak, mereka juga berfungsi sebagai pegawai Yamtuan.¹

¹ Nordin Selat, op. cit, hal. 71-72.

Cara Perlantikan Penghulu Gunung Pasir

Bila Penghulu Gunung Pasir meninggal dunia, penggantinya hendaklah dipilih dari suku Tanah Datar. Walau bagaimanapun sebelum pemilihan dibuat seorang penggantinya sementara dipilih, dia terdiri dari seorang pengganti sementara dipilih, dia terdiri dari Lembaga suku Tiga Batu digelar Datuk Paduka Seri Maharaja. Dia memegang jawatan sehingga Penghulu yang sebenar layak diganti. Cara pemilihan dibuat oleh empat orang ketua adat. Mereka ialah:

1. Datuk Menti Maharaja- Lembaga Suku Tanah Datar.
2. Datuk Paduka Sri Maharaja- Lembaga Suku Tiga Batu.
3. Datuk Setia raja- Lembaga Suku Paya Kumbuh.
4. Datuk Setia Lela- Lembaga Suku Sri Lemak Minangkabau.

Turut serta dalam pemilihan ini ialah Datuk Johan, iaitu salah seorang Pegawai Yang Enam dari istana Seri Menanti yang juga berasal dari suku Tanah Datar. Peranan Datuk Johan bukan sebagai ketua adat tetapi mewakili Yamtuan.¹

Apabila pemilihan di buat, yang akan menentukan giliran yang berhak ialah Menti Maharaja, kepala waris Tanah Datar. Tetapi kebulatan kata pasti wujud antara ketua adat yang empat dengan datuk Menti Maharaja. Gelaran bagi Penghulu Gunung Pasir ialah datuk Setiawan.²

Berikut di senaraikan nama-nama Penghulu Gunung Pasir:³

1. Tok Wan.
2. Penghulu Masjid.
3. Penghulu Tuakal.
4. Penghulu Mantik.
5. Penghulu Budin.
6. Penghulu Haji Malik.
7. Penghulu Uteh.
8. Penghulu Alam.
9. Penghulu Kandak.
10. Penghulu Pachoh.
11. Penghulu Lahu.
12. Penghulu Haji Muhammad Amin.
13. Penghulu Basir.
14. Penghulu Shamsuddin bin Bahali.

Cara Perlantikan Penghulu Inas

Gelaran bagi penghulu Inas ialah Datuk Johan pahlawan Lela Perkasa. Pemilihannya hanya terhenti bagi suku Biduanda. Suku Biduanda ini mempunyai tiga perut, iaitu perut Inas, Nuri dan Dingkir. Pemilihan dibuat secara bergilir-gilir di kalangan tiga perut ini.

¹ Ibid, hal. 70.

² Ibid, hal. 70.

³ Abdul Samad Idris, op. cit, hal. 257.

Di bawah Penghulu ada dua jawatan penting iaitu Datuk Bentara Betina yang mengepalai waris perempuan. Satu lagi Datuk Bentara Jantan iaitu kepala waris bagi suku Biduanda yang dipilih dari Buapak-buapak perut Inas, Nuri dan Dingkir. Pemilihan ini disahkan oleh Penghulu dan Datuk Bentara Betina. Dari Suku Biduanda ada tiga persukuan iaitu Biduanda Kabung, Kebangsa dan Jawa. Dari tiga inilah yang dipilih untuk Bentara Jantan. Bila kematian Penghulu, secara langsung datuk Bentara Jantan dilantik sebagai Penghulu yang disahkan oleh Bentara Betina dan semua Lembaga-lembaga bagi luak Inas. Namun jika mereka tidak bersetuju boleh menolak dan boleh mencari ganti dari suku yang sama. Pemilihan Bentara Betina adalah sama dengan Bentara Jantan.¹

Berikut senarai nama-nama Penghulu Inas:²

1. Penghulu Embun Seri (Perempuan).
2. Penghulu Bayan (Lelaki).
3. Datuk Rambutan Jantan (Undang Johol).
4. Datuk Nuri (Undang Johol).
5. Penghulu Muntik (waris Inas).
6. Penghulu Cenderung.
7. Penghulu Sohat.
8. Penghulu Biong.
9. Penghulu Umar.
10. Penghulu Sulung.
11. Penghulu Ujang bin Cepas.
12. Penghulu Abdul Ghani bin Layar.
13. Penghulu Bachik bin Abdul Rahman.
14. Penghulu Rentah bin Takin.

Cara Perlantikan Penghulu Jempol

Pemilihan bagi menggantikan Penghulu Jempol adalah paling senang dan ringkas sekali. Kerana Ia tidak ada giliran perut, hanya satu perut sahaja yang mewarisi jawatan penghulu, iaitu Perut Suku Biduanda. Pemilihan yang layak adalah di tangan Lembaga. Gelaran Penghulu Jempol ialah Datuk Lela Pahlawan.³

Berikut senarai nama-nama Penghulu Jempol:⁴

1. Datuk Penghulu Daim.
2. Datuk Penghulu Chap.
3. Datuk Penghulu Malek.
4. Datuk Penghulu Rial.
5. Datuk Penghulu Hasan.
6. Datuk Penghulu Johan.
7. Datuk Penghulu Shukor.
8. Datuk Penghulu Abdul Wahab.
9. Datuk Penghulu Haji Sulaiman bin Abdullah.

¹ M.B. Hooker, *Adat Laws In Modern Malaya*, op. cit, hal. 38.

² Haji Buyung Adil, op. cit, hal. 38.

³ Nordin Selat, op. cit, hal. 70.

⁴ Abdul Samad Idris, op. cit, hal. 253.

Cara Perlantikan Penghulu Terachi

Gelaran bagi Penghulu Terachi ialah datuk Andika Pahlawan. Cara pemilihannya hampir sama dengan penghulu Jempol, kerana yang berhak memegang jawatan hanya dari satu perut iaitu suku Seri Lemak Pahang. Cara pemilihan bergantung pada Lembaga-Lembaga. Tetapi bagi setiap calon itu mestilah seorang yang beristerikan perempuan dari suku Biduanda di Kampung Kundang, Terachi.¹

Berikut ini ialah nama-nama Penghulu Terachi:²

1. Ahmad.
2. Tengkis
3. Tok Pecat (di pecat, dan namanya tidak diketahui).
4. Dota.
5. Linsoh.
6. Sulung.
7. Haji Said.
8. Adil.
9. Haji Jaal.
10. Haji Ariffin.
11. Ujung bin Yahya.
12. Lebai Husin.

Cara Perlantikan Penghulu Gemencheh

Pada dahulu kawasan luak Gemencheh ini menjadi kepunyaan atau di bawah naungan Undang Luak Johol, dan pernah juga menjadi kepunyaan Undang Luak Rembau.³ Tetapi sekarang dia telah berpenghulu sendiri.

Penghulu Gemencheh di pilih dari waris Biduanda yang mempunyai dua perut, iaitu perut Hilir dan perut Hulu. Kepala bagi waris ini ialah Datuk Laksamana, tetapi tidak semestinya ia terus menjadi Penghulu Sekiranya Penghulu meninggal dunia. Kerana sahnya perlantikan bergantung kepada pengesahan yang dibuat oleh Datuk Bandar dari suku Mungkar sebagai waris daerah. Namun tidak perlu mendapat persetujuan Lembaga-lembaga.⁴ Gelaran bagi Penghulu Gemencheh ialah Datuk Andika Pahlawan. Di sini diberi senarai nama-nama Penghulu Gemencheh.⁵

1. Penghulu Supai (Orang Bukit).
2. Penghulu Bobek (Mula Islam).
3. Penghulu Rantau.
4. Penghulu Kechik.
5. Penghulu Mohd. Zain.
6. Penghulu Abdullah.
7. Penghulu Othman (sekarang).

¹ Nordin Selat, op. cit, hal. 70.

² Abdul Samad Idris, op. cit, hal. 256.

³ M.B. Hooker, Adat Laws In Modern Malaya, op. cit, hal. 184.

⁴ Ibid, hal. 187.

⁵ Ibid, hal. 189-190.

Cara Perlantikan Penghulu Luak Air Kuning

Gelaran bagi Penghulu luak Air Kuning ialah Datuk Orang Kaya Setiawan. Pemilihannya adalah sama dengan luak Gemencheh. Penghulu adalah dipilih dari satu suku iaitu Biduanda waris dari suku Biduan. Kepala waris ialah Datuk Perdana dipilih dari perut Jenang dari suku yang sama Biduanda. Suku-suku yang lain atau yang berkahwin campur adalah tertegah. Perlantikan mesti mendapat persetujuan oleh Undang Johol.

Cara Perlantikan Penghulu Ulu Muar

Jawatan Penghulu luak Ulu Muar hanya boleh dipusakai oleh satu suku sahaja iaitu Biduanda. Gelaran yang disandangnya ialah Datuk Setia Maharaja Lela Pahlawan. Dalam suku Biduanda ini mempunyai tiga perut iaitu perut Pasir Panjang, perut Gemetir dan perut Kayu Ara. Jadi pemilihan Penghulu adalah secara bergilir-gilir dari tiga perut tadi.

Apabila satu perut seperti Pasir Panjang memegang jawatan Penghulu, anggota yang satu perut lagi seperti perut Gemetir memegang jawatan Datuk Perdana dan seterusnya perut yang ketiga dari Kayu Ara memegang jawatan Datuk Purba. Bila Penghulu meninggal dunia secara automatik juga jawatan Datuk Perdana di sandang oleh Datuk Purba. Sementara jawatan yang ketiga Datuk Purba adalah dipilih dari perut Penghulu yang baru mati itu.¹ Begitulah seterusnya pusingan pemilihan dibuat.

Sekiranya Datuk Purba atau Datuk Perdana yang mati dulu, maka ganti mereka adalah dari perut masing-masing juga demi untuk tiada rosak aturan giliran bagi jawatan Penghulu. Jadi dalam jawatan Buapak atau Lembaga bagi Penghulu yang mati akan turun pengkat menjadi Buapak atau Lembaga kepada Datuk Purba. Sebaliknya Buapak atau Lembaga dari Datuk Perdana akan naik menjadi di bawah Penghulu.

Kuasa Penghulu Luak

Ia hanya berkuasa menjalankan hukum adat ke atas Lembaga-Lembaga di dalam luaknya. Belau mestilah menyiasat segala pengaduan yang dibuat oleh Lembaga-Lembaga yang lain dari suku-suku lain dalam luak di bawah pemerintahannya, selepas itu dia mesti membawa ke hadapan pengadilan. Dulu kuasa Luak amat luas seperti kata perbilangan:²

Boleh menghitam dan memutihkan
Boleh memanjang dan memendekkan
Boleh mengesah dan membatalkan.

Tetapi semenjak ada Dewan Keadilan, maka kekuasaan wakil-wakil adat telah ditentukan seperti berikut:

1. Kata bercari kepada Lembaga

¹ En. Shamsul Amri bin Baharuddin, Politik Adat Perpatih, dalam kertas kerja Seminar Persejajaran dan Adat Perpatih 10-12 April, 1974, hal. 5-6.

² Ibid, hal. 6.

Sah batal kepada Undang
Hidup mati kepada Keadilan.

2. Tali pengikat daripada Lembaga
Keris menyelang kepada Undang
Pedang pemancung daripada raja.¹

Bagi Datuk Perdana dan Datuk Purba pula berfungsi sebagai menjaga dan mengambil tahu tentang hal ehwal yang berlaku dalam suku Biduanda (Waris) sahaja.

Lain-Lain Jawatan Penting

1. Baginda Maharaja, berfungsi sebagai orang yang menentukan giliran pemegang jawatan dalam pemilihan Lembaga-Lembaga dalam luak Ulu Muar. Jawatan ini hanya boleh dipegang oleh suku Seri Lemak Pahang yang mempunyai enam perut pula. Pemilihan untuk jawatan ini secara bergilir-gilir juga.
2. Datuk Shah Bandar, jawatan ini dipusakai oleh suku Biduanda dari perut Pasir Panjang sahaja. Kini beliau tidak berfungsi lagi, tetapi dulu dia berfungsi untuk menjaga ke selamatan.²

Cara Perlantikan Tengku Besar Tampin

Tampin terkenal sebagai sebuah daerah dalam urusan tadbir negeri dan sebagai sebuah luak dalam kawasan susunan adat. Daerah Tampin adalah meliputi Gemencheh, Air Kuning dan Gemas dan sebelum tahun 1946 termasuk Rembau. Dalam kawasan susunan adat yang di bawah kekuasaan Tengku Besar Tampin ialah Tampin, Repah, Keru dan Tebong, sedangkan Gemencheh, Air Kuning dan Gemas adalah di bawah luak Johol. Luak Tampin sekarang, sebelum tahun 1834, termasuk dalam kawasan luak Rembau dan pada satu masa sebelumnya termasuk dalam kawasan Naning. Tampin adalah merupakan sebuah luak yang termuda dan yang terkecil sekali dalam luas kawasan dan jangka masa dibuka.³

Pemilihan teraju pemerintahan Tampin ini adalah berlainan dengan luak-luak yang lain kerana ia tidak terikat sangat dengan adat Cuma syarat seorang itu mesti seorang lelaki yang keturunan dari Tengku Syed Abdul Hamid bin Tengku Syed Shaaban.⁴ Menurut yang terdapat dalam Perlembagaan Negeri Sembilan sekiranya bakal Pengganti itu di bawah umur 18 tahun berdasarkan kepada kelendar orang-orang Gregorian, jawatan itu harus ditangguhkan sehingga bakal pengganti itu cukup umur.⁵

Tengku Besar Tampin adalah merupakan ketua bagi daerahnya dan juga sebagai ahli Dewan Yang Dipertuan Besar, bermakna dia boleh menasihati Yamtuan

¹ Ibid, hal. 6-7.

² M.B. Hooker, Readings In Malay Adat Laws, op. cit, hal. 23.

³ Abdul Samad Idris, op. cit, 226.

⁴ M.B. Hooker, Adat Laws In Modern Malaya, op. cit, hal. 198.

⁵ Perlembagaan Negeri Sembilan, Bab 5, perkara 2.

dalam perkara-perkara yang berhubung dengan adat. Ia tidak terlibat dengan pemilihan Yang Dipertuan Besar, Negeri Sembilan.¹

Satu perkara lagi yang berlainan ialah dalam daerah ini tidak mempunyai Lembaga. Cuma ada Penghulu pusaka. Merekalah yang mentadbir adat di Daerah itu. Taraf mereka sama dengan Datuk Lembaga. Penghulu pusaka ini terbahagi kepada empat kawasan. Pertama penghulu pusaka Tampin Tengah, mempunyai 9 orang semuanya dari suku Biduanda. Keduanya Penghulu Pusaka Tebong, mempunyai 3 orang juga dari suku Biduanda. Ketiga Penghulu Pusaka Repah, mempunyai 11 orang, mereka terdiri dari suku Tiga Batu. Keempat Penghulu Pusaka Keru, mempunyai 4 orang.² Tidak dinyatakan dari suku mana.

Berikut ialah nama-nama Tengku Besar Tampin:³

1. Syed Shaban bin Syed Ibrahim al-Qadri.
2. Syed Abdul Hamid bin Syed Shaaban a-Qadri.
3. Syed Dewa bin Syed Abdul Hamid al-Qadri.
4. Syed Akil bin Syed Dewa (mangkat ketika muda dan tidak meninggalkan waris).
5. Syed Muhammad bin Syed Dewa al-Qadri.
6. Syed Idrus bin Syed Muhammad al-Qadri.

¹ M.B. Hooker, *Adat Laws In Modern Malaya*, op. cit, hal. 193.

² Abdul Samad Idris, op. cit, hal. 133-235.

³ Ibid, hal. 232.

Penutup

Adat Perpatih di Negeri Sembilan seperti juga bentuk asalnya adat Minangkabau, telah wujud dari generasi ke generasi sebagai tradisi lisan. Adat ini tidak mempunyai bentuk dan erti yang tepat seperti undang-undang. Ini kerana adat itu untuk memudahkan perubahan mengikut penyesuaian keadaan masa dan tempat.

Seorang pengkaji mungkin menemui pelbagai-bagai adat di daerah yang berlainan di Negeri Sembilan. Ini bukan bererti penganut adat itu keliru tentang adat, malahan ia merupakan suatu yang wajar kerana tiap-tiap daerah membuat interpretasinya sendiri ke atas adat yang diutarakan dalam perbilangan dan mengubah atau memasukan unsur-unsur yang sesuai dengan keadaan tempatan.

Kalau meneliti keadaan politik Adat Perpatih di Negeri Sembilan adalah merangkumi ciri-ciri pembahagian kuasa antara luak-luak dan dalam setiap luak pula ada pembahagian kuasa hingga ke peringkat yang paling kecil. Menurut penulis Abdul Rahman Muhammad mengatakan, bahawasanya falsafah hidup Adat Perpatih itu didasarkan kepada demokrasi dan sosialisme.¹ Ini mungkin corak politik pemerintahan Adat Perpatih adalah hasil percampuran antara dua sistem ini. Demokrasi adalah satu pemerintahan atau kerajaan yang didirikan dan dikendalikan sendiri oleh penduduk atau rakyat kerana faedah dan kebahagiaan bersama, untuk faedah dan kebahagiaan bersama. Manakala Sosialis pula memetingkan supaya umat manusia tetap hidup bermasyarakat, segala kemewahan atau kesusahan adalah ditanggung oleh masyarakat secara kolektif. Oleh kerana ciri-ciri kedua sistem ini wujud dalam masyarakat Adat Perpatih, maka Abdul Rahman Muhammad mengatakan politik Adat Perpatih adalah bercorak demokrasi dan sosialisme.

Manakala R.J. Wilkinson pula mengatakan politik Adat Perpatih adalah bercorak demokrasi² sahaja. Ini mungkin dia melihat dari sudut pemilihan pemimpin secara umum yang mana tidak mengira keturunan seperti yang terdapat dalam Adat Temenggung. Sementara M.B. Hooker pula mengatakan politik Adat Perpatih adalah politik adat yang berperlembagaan.³

Dalam hal ini penulis tidak sependapat dengan pernyataan-pernyataan yang diberikan, kerana pada hemat penulis politik Adat Perpatih bukanlah bercorak demokrasi secara total atau sosialis secara total, malahan ia lebih bersifat feudalisme. Ini kerana segelintir rakyat sahaja yang layak memegang kuasa tertinggi bergantung kepada suku Biduanda yang ia berada di bawahnya. Sedangkan rakyat yang lain hanya layak memegang kuasa yang kecil sahaja. Kalau demokrasi yang sebenarnya tidak kira keturunan sama ada dari suku Biduanda atau lain-lain semuanya layak menjadi pemimpin tertinggi asalkan ia berkeelayakan.

Berhubung dengan kedudukan sistem ini dalam perundangan negara adalah tidak dipertikaikan lagi kerana ada peruntukan dalam Perlembagaan Negara Malaysia perkara 181 (1) yang berbunyi: Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perlembagaan ini, kedaulatan, hak kedaulatan kuasa dan bidang kuasa Raja-raja dan

¹ Abdul Rahman Muhammad, op. cit, hal. 2.

² R.J. Wilkinson, Malay Law, Paper On Malay Subjects, Law, part 1, 1908, hal. 7.

³ Temu bual dengan M.B. Hooker, di UKM Bangi, semasa ia menjadi pensyarah pelawat, pada 29.9.1981.

hak kedaulatan, kuasa dan bidang kuasa Pembesar-Pembesar memerintah Negeri Sembilan dalam wilayah mereka masing-masing sebagaimana yang telah ada dan dinikmati hingga sekarang adalah tetap tidak tersentuh.¹

Mudah-mudahan adat ini akan kekal sebagai suatu peradaban tradisi Melayu yang unggul. Kewujudannya hingga ke hari ini menjadi kebanggaan kepada orang-orang Melayu kerana ia merupakan suatu sistem yang timbul dan berkembang di rantau sebelah sini tanpa kesedaran dari mana-mana adat di dalam dunia ini.

¹ Perlembagaan Negara Malaysia, perkara 181 (1).

BIBLIOFAFI

1. Abdul Rahman bin Haji Mohammad, *Dasar-Dasar Adat Perpatih*, Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1964.
2. Abbas Haji Ali, *Rembau, Sejarah Perlembagaan Dan Adat Istiadatnya*, Pejabat Cetak Kerajaan Johor, 1953.
3. Abdul Samad Idris, *Negeri Sembilan Dan Sejarahnya*, Utusan Melayu, Kuala Lumpur, 1968.
4. Abdullah Siddik, *Pengantar Undang-Undang Adat Di Malaysia*, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1975.
5. Abdul Samad Idris, *Kemurnian Dalam Adat Perpatih*, Kertas Kerja Seminar Pesejarahan Dan Adat Perpatih, Majlis Belia Negeri, 1974.
6. A.M. Datuk Maruhun Batuah & D.H. Baginda Tanameh, *Hukum Adat Dan Adat Minangkabau*, N.V. Poesaka Aseli, Jakarta, 1957.
7. Hooker M.B, *Adat Laws In Modern Malaya*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1972.
8. Hooker M.B, *Reading In Malay Adat Laws*, Singapore University Press, Singapore, 1970.
9. Hooker M.B, *The Personal Laws of Malaysia*, Kuala Lumpur, Oxford University Press, London, 1976.
10. A. Kadir Yusof, *Mengenal Adat Perpatih Struktur dan Organisasi*, Dewan Masyarakat, 1972.
11. Abdul Ghani Shahmaruddin, *Adat Perpatih Negeri Sembilan Patutlah Dikaji Dengan Teliti*, Dewan Masyarakat, 1964.
12. Martin Lister, *The Negeri Sembilan Their Origin And Constitution*, JSBRAS, no. 19, 1887.
13. Gibb H.A.R. and Kramers, *Shorter Encyclopedia Of Islam*, Leiden: Brill, 1961.
14. Brown B.J. *Justice And The Adat Perpatih Law or Lore*, Papers on Malayan History, JSEAH, Singapore, 1962.
15. Gullick, J.M. *Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu Barat*, (DBP), Kuala Lumpur, 1970.
16. Balandier G. *Political Anthropology*, Pelican/ Peguin, England, 1974.
17. Gould & Kolb, *A Dictionary of Social Sciences*, Tavistock Publication, London, 1974.

18. Haji Mohtar bin Haji Mohd Dom, *Adat Perpatih Dan Adat Istiadat Masyarakat Malaysia*, Federal Publication, Kuala Lumpur, 1977.
19. Haji Hassan Haji Salleh, *Prinsip-Prinsip Fiqh Islam*, Pustaka Aman Press, Kota Bahru, 1979.
20. Haji Mohd Din bin Ali, *Islam and Adat, Two Forces In Malay Society*, Intisari, MSRI, Vol. 1, No. 3, Singapore, 1963.
21. Dr. Nordin Selat, *Sistem Sosial Adat Perpatih, Utusan Melayu*, Kuala Lumpur, 1976.
22. Lokman Yusof, *Islam and Adat, as Seen In Land Inheritance*, Intisari, MSRI, Vol. 1, No. 4, Singapore, 1963.
23. Haji Buyong Adil, *Sejarah Negeri Sembilan*, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1981.
24. M. Sharif Fakeh Hassan, *Sejarah Kedatangan Adat Perpatih Ke Negeri Sembilan dan Kaitannya Dengan Minangkabau*, Kertas Kerja Seminar Persejarahan Dan Adat Perpatih, Majlis Belia Negeri, 1974.
25. Swift M.G. *Malay Peasant Society In Jelevu*, New York, 1965.
26. Winstedt R.O, *Negeri Sembilan, The History, Polity and Beliefs of Nine States*, JMBRAS, Vol. 3, 1934.
27. Shallabear W.G. *sejarah Melayu*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1967.
28. Syed Husin Ali, *Masyarakat Dan Pimpinan Kampung Di Malaysia*, Fajar Bakti, Kuala Lumpur, 1977.
29. Taylor B.H, *Customary Law Of rembau*, JMBRAS, Singapore, Vol. 2, Part 1, 1929.
30. Sir. Richard Winstedt dan Dr. P.E. de Josselin de Jong, *A Digest of Customary Law from Sungai Ujong*, JMBRAS, Vol. 27, Part 3, 1954.
31. Zainal Keling, *Sistem kekeluargaan Di Melaka*, Jabatan Pengajian Melayu, Latihan Ilmiah Untuk Sarjana Sastera, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1969.
32. Shoekon J.J. A. Aziz bin Khamis, *Adat Kuala Pilah*, JMBRAS, Vol. 14, bhg.3, 1936.
33. *Utusan Malaysia*, Rabu, 6 Februari, 1980.
34. *The Malay Law Journal*, Januari, 1981.

35. En Shamsul Amri bin Baharuddin, Politik Adat Perpatih, Kertas Kerja Seminar Persejarahan Dan Adat Perpatih, April, 1974.
36. Wilkinson R.J. (ed) Papers on Malay Subjects, Kuala Lumpur, Singapura, 1921.
37. Datuk Talib bin Jonos, Setiausaha kepada Y.T.M Datuk Kelana Putera, Undang Sungai Ujong, Temu bual penulis, 5.12.1981.
38. Kertas Kerja Minggu Sejarah Negeri Sembilan, anjuran Persatuan Sejarah Malaysia, cawangan Negeri Sembilan, 1974.
39. Datuk Andata Abdul Aziz bin Ahmad, (Lembaga) kampung Baru, Chek Lah, Mantin Dalam, Mantin, Temu Bual Penulis pada 6.12.0981.
40. Datuk Raja Diraja Abd Razak bin Mohd Janin (Lembaga) 26 G, Jalan Rasah, Seremban, temu bual penulis, pada 13.12.1981.
41. M.B. Hooker, temu bual penulis di UKM, pada 29.9.1981.
42. Perlembagaan Negara Malaysia.
43. Perlembagaan Negeri Sembilan, 1969.